

myMetro ▢ Setempat

MDTF meriah

Oleh Idris Musa
idris@hmetro.com.my
2010/05/04



KUALA LUMPUR: Pelbagai hadiah bernilai lebih RM100,000 termasuk pakej penginapan di tempat peranginan dan hotel terkemuka menanti pengunjung bertuah pada Pameran Pelancongan Domestik Malaysia (MDTF) 2010 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), dari 14 hingga 16 Mei depan.

Pengerusi jawatankuasa penganjur, Datuk Shamsul Falak Kadir, berkata sesiapa yang mengunjungi pameran itu berpeluang memenangi hadiah berkenaan yang ditawarkan melalui beberapa bentuk pertandingan. Menurutnya, pihak penganjur juga mengadakan cabutan bertuah kepada pengunjung sepanjang pameran berkenaan.

"Sepanjang pameran ini kami mengendalikan pertandingan dengan pelbagai hadiah menarik dan antara yang utama ialah lima pakej penginapan di tempat peranginan tenohor.

"Pengunjung juga berpeluang memenangi hadiah lain seperti tiket penerbangan, penginapan di hotel, bawcar dan rawatan di spa melalui cabutan bertuah yang diadakan setiap jam," katanya ketika ditemui di pejabatnya, di Desa Pandan, di sini, semalam.

MDTF 2010 yang dianjurkan Majlis Pelancongan Kebangsaan Malaysia (NTCM) dijangka membabitkan kira-kira 200 ruang pameran dari pelbagai organisasi seluruh negara dengan sasaran kunjungan 25,000 pelawat.

Shamsul Falak yang juga Timbalan Presiden NTCM berkata, semua peserta yang mengambil bahagian dalam pameran terbabit akan memberi fokus kepada sektor pelancongan domestik, bukan saja dalam bentuk percutian dan hotel, malah apa saja produk berkaitan dengan industri pelancongan.

"Ini termasuklah aspek sejarah dan kebudayaan, makanan, perubatan, rekreasi, spa dan banyak lagi yang tidak terhad kepada satu segmen, bahkan apa saja yang memaparkan identiti dan produk di dalam negara kita, sesuai dengan objektif apa saja yang ada di Malaysia.

"Pendek kata sesiapa yang datang ke pameran ini dapat meneroka semua aspek berkaitan pelancongan domestik, sekali gus memenuhi apa yang dikehendaki mereka sebelum ini," katanya. Beliau berkata, pihaknya yakin acara kali kedua dianjurkan itu akan mendapat sambutan menggalakkan, memandangkan publisiti yang ada lebih meluas berbanding tahun lalu.